



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 21 FEBRUARI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5.	MAFI PERKASA KONSEP TANAM PADI SKALA BESAR: KIANDEE, TEMPATAN, HARIAN EKSPRESS (KK) -3 MAFI PERKASA KONSEP PENANAMAN PADI BERSKALA BESAR, TEMPATAN, MINGGUAN SARAWAK -17 MAFI TO STRENGTHEN LARGE-SCALE PADDY CULTIVATION – KIANDEE, HOME, BORNEO POST (KK) -5 MAFI TO STRENGTHEN LARGE-SCALE PADDY CULTIVATION TO MEET SSL TARGET – KIANDEE, HOME, THE SUNDAY POST (KUCHING) -8 LADANG ITIK BERKURANG, PENGELUARAN TELUR MENINGKAT, HARAKAH DAILY -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
6.	SABAH BERPOTENSI HUB PENGELUAR PRODUK KELAPA, UTUSAN BORNEO -ONLINE	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
7. 8. 9.	KUCING PELIHARAAN MATI DENGAN EMPAT KAKI DIPOTONG, NASIONAL, BH -15 TERGAMAK BUNUH, POTONG EMPAT KAKI KUCING BUNTING, KOSMO, NEGARA -8 AJAL CANTIK HILANG KAKI, LOKAL, METRO AHAD -10	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
10. 11.	DUA KUCING TAK SEMPAT MASUK LANGKAWI, LOKAL, METRO AHAD -10 DUA EKOR KUCING BERNILAI RM500 DIRAMPAS, NASIONAL, SH -14	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
12.	FAMA PASARKAN 200 TAN METRIK NANAS MORIS MILIK 30 PEKEBUN, NEGARA, KOSMO -16	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
13.	PERIKANAN TIDAK LUMPUH, DALAM NEGERI, UM -8	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
14.	RM360 JUTA UNTUK PEMBANGUNAN IADA KOTA BELUD, NASIONAL, SH -11	KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU (IADA)
15. 16. 17. 18. 19.	KOLAM LATOK PORT DICKSON, PANORAMA, KOSMO AHAD -17 EKSPERIMEN 'ANGGUR LAUT' JADI KENYATAAN, PANORAMA, KOSMO AHAD -18 BANTU NELAYAN TAMBAH PENDAPATAN, PANORAMA, KOSMO AHAD -19 PEKEBUN CILI 'MATA SATU', XPRESI, METRO AHAD -35 HERBA AMAZON TUMBUH DI JELEBU, XPRESI, METRO AHAD -36	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Mafi perkasa konsep tanam padi skala besar: Kiandee		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	21 Feb 2021	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	25,055
Page No	3	Readership	75,165
Language	Malay	ArticleSize	275 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 584
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,753



Mafi perkasa konsep tanam padi skala besar: Kiandee

KOTA BELUD: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) akan terus memperkasa konsep penanaman padi berskala besar bagi meningkatkan hasil pengeluaran padi sekali gus merealisasikan sasaran 75 hingga 80 peratus tahap sara diri (SSL) negara.



Menterinya Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (**gambar**) berkata SSL negara pada ketika ini ialah 70 peratus dan selebihnya iaitu 30 peratus lagi bergantung pada bekalan beras import.

Justeru, katanya konsep penanaman padi berskala besar perlu dilakukan secara baik dengan menerapkan pendekatan baharu yang boleh mengurangkan kos dan meningkatkan pengeluaran padi beras negara serta pendapatan pesawah.

"Kita prihatin dengan keadaan pesawah kerana sebahagian besar mereka

masih B40. Tentu sekali pelbagai usaha sedang dan telah diambil oleh kerajaan, dan kita berharap konsep penanaman padi berskala besar dengan penglibatan pihak swasta akan dapat membantu meningkatkan industri padi beras negara.

"Ini termasuk meningkatkan SSL dan juga pendapatan pesawah di seluruh negara," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan kerja di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kota Belud yang turut dihadiri Pengarahnya Sahmah Labulla di sini, pada Sabtu.

Kiandee berkata program pembangunan IADA Kota Belud akan terus dirancarkan pada tahun ini termasuk meneruskan pembangunan kompleks pentadbiran agensi itu yang dianggarkan menelan belanja RM36 juta.

Beliau berkata bangunan itu akan memberi kemudahan kepada kakitangan IADA Kota Belud untuk merancang serta melaksanakan aktiviti-aktiviti pembangunan kepada pesawah, selain menjah pusat latihan kepada pesawah bagi

meningkatkan ilmu pengetahuan dalam pembangunan industri padi.

Selain itu, kerja-kerja menambah baik dan membina baharu sistem saliran dan pengairan sawah IADA Kota Belud juga akan diteruskan pada tahun ini bagi membolehkan para pesawah di bawah kendalian agensi itu dapat menanam padi dua kali setahun, katanya.

Beliau berkata kerajaan juga telah memperuntukkan sebanyak RM360 juta bagi melaksanakan kerja-kerja menaik taraf sistem saliran dan pengaitan serta kaedah pengurusan tanaman di IADA Kota Belud, dan setakat ini RM160 juta telah digunakan.

Pada lawatan itu, beliau turut menyempakan sumbangan bantuan kewangan berjumlah RM264,055.32 kepada pesawah-pesawah IADA Kota Belud yang terjejas oleh bencana banjir pada Oktober tahun lalu.

Bantuan kewangan itu merupakan sebahagian daripada RM674,821 yang diluluskan sebagai bantuan kepada pesawah terjejas banjir pada tahun lepas. - Bernama

Headline	MAFI perkara konsep penanaman padi berskala besar		
MediaTitle	Mingguan Sarawak		
Date	21 Feb 2021	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	37,981
Page No	17	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	263 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 598
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,793



MAFI perkara konsep penanaman padi berskala besar

KOTA BELUD: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan terus memperkasa konsep penanaman padi berskala besar bagi meningkatkan hasil pengeluaran padi sekaligus merealisasikan sasaran 75 hingga 80 peratus tahap sara diri (SSL) negara.

Menterinya Datuk Seri Dr Ronald Kiang berkata, SSL negara pada ketika ini ialah 70 peratus dan selebihnya iaitu 30 peratus lagi bergantung pada bekalan bergantungan.

Istisna katanya, konsep penanaman padi berskala besar perlu dilakukan secara baik dengan menerapkan pendekatan baharu yang boleh mengurangkan kos dan meningkatkan pengeluaran padi beras negara serta pendapatan pesawah.

"Kita prihatin dengan keadaan pesawah kerana sebahagian besar mereka masih B40. Tentu sekali pelbagai usaha sedang dan telah diambil oleh kerajaan, dan kita berharap konsep penanaman padi berskala besar dengan penglibatan pihak swasta akan dapat membantu meningkatkan industri padi beras negara."

"Ini termasuk mening-

kalkan SSL dan juga pendapatan pesawah di seluruh negara," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan kerja di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (KAPADA) Kota Belud yang turut dihadiri Pengarahnya Saimah Labulla di sini semalam.

Kiang berkata, program pembangunan KAPADA Kota Belud akan terus dirangka pada tahun ini termasuk meneruskan pembangunan kompleks pentadbiran agensi itu yang dijangkakan memelan belanja RM30 juta - Bernama

MENTERI Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiang bersama Menteri Pertanian dan Perikanan Sabah merangkap Timbalan Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Dr Jeffrey Kitingan (kiri) ketika sidang media selepas mengadakan pertemuan rasmi antara dua kementerian itu, di sini semalam. • Foto BERNAMA

Headline	Mafi to strengthen large-scale paddy cultivation - Kiandee		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	21 Feb 2021	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	5	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	217 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,210
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 3,630



Susan, Ten An, Vanessa, Melissa, Jonathan, Fung, Mok and others during the opening of The Palm Condominium showroom for Tower B.

Mafi to strengthen large-scale paddy cultivation – Kiandee

KOTA BELUD: The Ministry of Agriculture and Food Industry (Mafi) will continue to strengthen the concept of large-scale cultivation to boost rice production, thus realising the country's 75 to 80 per cent self-sufficient level (SSL) target.

Its Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said the country's SSL was currently at 70 per cent while the remaining 30 per cent relied on imported rice.

Therefore, the large-scale paddy cultivation concept needs to be carried out well by applying a new approach that can reduce costs and dependence on imported rice thus increasing the country's rice production and farmers' income, he said.

"We are concerned about the situation of farmers because most of them are in the lower-income group (B40). Various efforts are being and have been taken by the government and we hope the concept of large-scale paddy cultivation with the involvement of the private sector will be able to help improve the country's paddy and rice industry.

"This includes raising SSL, as well as farmers' income nationwide," he told reporters after a working visit to the Kota

Belud Integrated Agricultural Development Area (IADA) here yesterday. Also present was the agency's director Salmah Labulla.

Kiandee said the Kota Belud IADA development programme would continue to be intensified this year, including the construction of the agency's administrative complex, costing RM36 million.

He said the building would provide facilities for Kota Belud IADA staff to plan and implement development activities for farmers, as well as being a training centre (Centre of Excellence) for farmers to increase knowledge in the development of the rice industry.

Apart from that, work to improve and build a new drainage and irrigation system for Kota Belud IADA to continue this year to enable farmers under the agency to be able to plant paddy twice a year, he said. He said the government had also allocated RM360 million to carry out work to upgrade the drainage and irrigation system as well as crop management methods at Kota Belud IADA, and thus far, RM160 million of the allocation has been used.

Headline	Mafi to strengthen large-scale paddy cultivation to meet SSL target — Kiandee		
MediaTitle	The Sunday Post (Kuching)		
Date	21 Feb 2021	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	65,012
Page No	8	Readership	195,036
Language	English	ArticleSize	213 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,905
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 8,714



Kiandee (left) speaks at a press conference during his visit to the Kota Belud Integrated Agricultural Development Area. Looking on is Datuk Seri Dr Jeffrey Kitingan. — Bernama photo

Mafi to strengthen large-scale paddy cultivation to meet SSL target — Kiandee

KOTA BELUD: The Ministry of Agriculture and Food Industry (MAFI) will continue to strengthen the concept of large-scale cultivation to boost rice production, thus realising the country's 75 to 80 per cent self-sufficient level (SSL) target.

Its minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said the country's SSL was currently at 70 per cent while the remaining 30 per cent relied on imported rice.

Therefore, the large-scale paddy cultivation concept needs to be carried out well by applying a new approach that can reduce costs and dependence on imported rice thus increasing the country's rice production and farmers' income, he said.

"We are concerned about the situation of farmers because most of them are in the lower-income group (B40).

Various efforts are being and have been taken by the government and we hope the concept of large-scale paddy cultivation with the involvement of the private sector will be able to help improve the country's paddy and rice industry.

"This includes raising SSL, as well as farmers' income nationwide," he told reporters after a working visit to the Kota Belud Integrated Agricultural Development Area (IADA) here yesterday.

Also present was the agency's director Salmah Labulla.

Kiandee said the Kota Belud IADA development programme would continue to be intensified this year, including the construction of the agency's administrative complex, costing RM36 million.

He said the building would provide facilities for Kota Belud IADA staff to plan and implement development activities for farmers, as well as being a training centre (Centre of Excellence) for farmers to increase knowledge in the development of the rice industry.

Apart from that, work to improve and build a new drainage and irrigation system for Kota Belud IADA would continue this year to enable farmers under the agency to be able to plant paddy twice a year, he said.

He said the government had also allocated RM360 million to carry out work to upgrade the drainage and irrigation system as well as crop management methods at Kota Belud IADA, and thus far, RM160 million of the allocation has been used.

During the visit, Kiandee also presented financial assistance amounting to RM264,055.32 to Kota Belud IADA farmers affected by the flood disaster in October last year.

The financial assistance is part of the RM674,821 total assistance for farmers affected by the floods last year. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/2/2021	HARAKAH DAILY	ONLINE	

Ladang itik berkurang, pengeluaran telur meningkat



TUMPAT: Jumlah pengeluaran telur itik meningkat kepada 2,539,125 biji biar pun bilangan ladang itik berkurangan kepada 61 buah dengan kapasiti 38,855 ekor itik berbanding tahun 2019.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dato' Che Abdullah Mat Nawi berkata, industri ternakan unggas di Malaysia merupakan salah satu industri yang menjadi penyumbang utama kepada sumber protein negara.

Katanya, komoditi unggas mencatatkan 98.2 peratus bagi daging ayam dan itik, manakala 113.6 peratus bagi telur ayam dan itik pada tahun 2019.

"Itik dara mula menghasilkan telur pada umur antara lima hingga 5.5 bulan. Puncak pengeluaran telur sehingga 92 peratus

dihasilkan oleh itik yang berumur 30 hingga 72 minggu dengan berat telur yang ideal 65 hingga 70 gram/biji.

"Jumlah populasi itik di Malaysia pada tahun 2019 ialah sebanyak 9,143,034 ekor," katanya pada sidang media selepas mengadakan lawatan ke Projek Ternakan Itik Penelur, di Kampung Delima, Wakaf Bharu, di sini, semalam. *(Foto atas)*

Tambahnya, pada tahun 2019, terdapat sebanyak 204 ladang itik penelur di Malaysia dengan kapasiti sebanyak 2,177,952 ekor itik dan pengeluaran sehingga 163,346,400 biji telur (11,434.25 tan metrik per tahun).

Daripada jumlah tersebut katanya, sebanyak 38 peratus ladang adalah di Kelantan (78 ladang) dengan kapasiti 30,234 ekor itik dan menyumbang pengeluaran telur sebanyak 2,267,550 biji (158.73 tan metrik per tahun).

Penternakan itik juga diusahakan penduduk kampung secara kecil-kecilan di kawasan rumah, sebagai pekerjaan sampingan bagi menambah pendapatan keluarga. – HARAKAHDAILY 21/2/2021

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/2/2021	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

Sabah berpotensi hub pengeluar produk kelapa



tertentu," jelas James ketika ditemui dalam lawatan di Stesen Pertanian Ulu Dusun pada Jumaat.

James turut menjelaskan, Kementerian Pertanian dan Perikanan Negeri Sabah telahpun mengadakan rundingan dengan sebuah syarikat tempatan negara yang berpusat di negeri Selangor iaitu Linaco Holding Berhad agar memperluaskan perniagaan ke negeri Sabah untuk meningkatkan pengeluaran produk kelapa termasuk membantu para peladang kelapa memasarkan hasil kelapa dengan lebih teratur.

Katanya, syarikat berkenaan merupakan sebuah syarikat pengeluar santan kelapa terbesar negara yang terletak di tangga kesepuluh terbaik dunia.

Pemintaan harian bekalan kelapa yang diperlukan Linaco Holding Berhad adalah sekitar 500,000 biji sehari bagi penghasilan santan yang berkualiti tinggi.

"Hasil perbincangan antara Kementerian Pertanian dan Perikanan Negeri Sabah dengan Pengurusan syarikat Linaco Holding Berhad, maka mereka bersetuju untuk membuka satu pusat pengumpulan kelapa di negeri Sabah dalam masa terdekat dalam tahun ini.

Lokasinya adalah di sebuah kawasan lapang berdekatan dengan persimpangan Kota Marudu dan Kudat.

"Ini memberikan peluang kepada para pengusaha kelapa di negeri Sabah meraih pendapatan lumayan sekaligus meningkatkan hub pengeluaran produk berasaskan kelapa daripada negeri Sabah," tegas James.

Katanya lagi, dua jenis kelapa yang sesuai untuk produk santan berkualiti diperlukan oleh Syarikat Linaco Holding Berhad iaitu kelapa jenis 'Taccunan' dan 'Mataq' yang mana kedua-dua baka kelapa ini amat sesuai dengan iklim tanaman di negeri Sabah.

"Saya difahamkan syarikat tersebut menawarkan harga sekitar RM0.80 sen hingga RM1.20 setiap satu biji kelapa jika dijual secara langsung ke pusat pengumpulan mereka.

"Ia suatu potensi yang baik untuk menggalakkan para peladang dan petani kelapa mencuba baka tersebut untuk penanaman secara komersial," jelasnya.

Sementara itu, dalam sesi taklimat yang disampaikan oleh Au Wai Wong, Ketua Penolong Pengarah Penyelidikan Stesen Pertanian Ulu Dusun, beliau menyatakan pihaknya turut membangunkan penyelidikan mengenai Pengumpulan Janaplasm Kelapa untuk menghasilkan benih kelapa yang berkualiti sebelum diedarkan kepada para petani dan peladang kelapa negeri ini.

Jelasnya, dua kategori kelapa ditanam para petani di Sabah ketika ini iaitu kelapa rendah dan kelapa tinggi. Selain itu, kelapa pandan turut berpotensi menjadi sumber pendapatan lumayan pengusaha jika tanam secara konsisten.

"Stesen Pertanian Ulu Dusun sentiasa bersedia untuk memberikan bimbingan kepada para petani atau peladang kelapa di negeri ini untuk menghasilkan produk tanaman yang berkualiti. Kita juga sentiasa membangunkan penyelidikan benih kelapa untuk penanaman secara komersial," ujar beliau.

Dalam pada itu, James turut memuji usaha Stesen Pertanian Ulu Dusun kerana sentiasa komited dalam usaha menjalankan kajian pelbagai jenis tanaman berkualiti tinggi seperti buah-buahan tempatan dan kelapa sawit.

Jelasnya, Kementerian akan memastikan negeri Sabah mampu mengeluarkan hasil pertanian yang berkualiti tinggi bagi memenuhi bekalan makanan dunia termasuk menggalakan sumber pendapatan negeri dan para pengusaha pertanian.

Turut serta dalam lawatan itu adalah Jinus Jipanin, Timbalan Pengarah Penyelidikan Jabatan Pertanian Negeri Sabah dan Jalil Atang, Pemimpin Pembangunan Masyarakat (PPM) Dewan Undangan Negeri Sugut.

SANDAKAN: Sabah berpotensi menjadi hub pengeluar produk berasaskan kelapa jika dibangunkan secara sistematik dan memenuhi kualiti yang diperakui oleh Jabatan Pertanian.

Pembantu Menteri Pertanian dan Perikanan I Negeri Sabah, Datuk James Ratib menjelaskan, petani di negeri Sabah digalakkan untuk mengusahakan tanaman kelapa secara komersial bagi memenuhi keperluan produk berasaskan tanaman itu yang semakin mendapat permintaan tinggi bukan sahaja dalam pasaran negara bahkan luar negara.

"Produk berasaskan kelapa khasnya santan dan minyak kelapa amat tinggi permintaan di peringkat pasaran dalam dan luar negara, namun demikian, pengeluaran kelapa di negeri Sabah masih belum cukup untuk memenuhi permintaan syarikat

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/2/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	15

Kucing peliharaan mati dengan empat kaki dipotong

Kuala Lumpur: Luluh hati pemilik seekor kucing apabila menemui haiwan peliharaannya yang dinamakan 'Cantik', mati dalam keadaan tragis dengan keempat-empat kaki 'hilang' dipercayai dipotong.

Mur Salina Junaidi, 20, tidak menyangka panggilan telefon daripada bapa saudaranya, Nur Hakim Bakhtiar, 29, tengah hari kelmarin, membawa berita duka mengenai Cantik yang berusia setahun enam bulan itu.

"Pak cik beritahu apa yang berlaku ke atas Cantik dan tanpa berlengah saya terus bergegas pulang ke rumah. Menggigil seluruh badan melihat bangkai Cantik, saya hanya mampu menangis kerana terlalu sedih. Cantik mati dalam keadaan sedang bunting dan menunggu hari untuk melahirkan anak.

"Saya tidak dapat gambarkan bagaimana keadaan dan kesakitan dirasakan Cantik ketika diperlaku-



'Cantik' ditemui mati dengan empat kakinya dipotong.

kan sebegitu. Apa yang saya nampak, kaki Cantik dicabut dan dipatahkan sendiri oleh pelaku, bukan dikerat dengan peralatan tajam.

"Lebih menyedihkan apabila melihat terdapat najis terkeluar daripada

duburnya, mungkin kesan menahan sakit yang teramat dan keadaan itu menunjukkannya seperti didera sewaktu masih bernyawa lagi," katanya yang bekerja sebagai setiausaha dan menetap di Taman Harmoni, Gombak.

Tergamak bunuh, potong empat kaki kucing bunting

PETALING JAYA - Bangkai seekor kucing betina bunting ditemui dalam keadaan menyayat hati selepas keempat-empat kakinya dipercayai dipotong dalam satu kejadian di Taman Harmonis, Gombak dekat sini, kelmarin.

Pemilik kucing berkenaan, Mur Salina Junaidi, 20, yang juga seorang setiausaha syarikat swasta berkata, kejadian yang menimpa kucing yang diberi nama 'Cantik' itu disedari ahli keluarganya.

"Saya belia kucing itu sejak dua tahun lalu, tak sangka ada orang tergamak melakukan

perkara kejam itu.

"Satu laporan polis telah dibuat di Balai Polis Gombak kelmarin bagi memastikan individu bertanggungjawab dibawa ke muka pengadilan," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Terdahulu, tular gambar dan video berdurasi 6 saat yang memaparkan seekor kucing betina tanpa kaki yang dipercayai telah dipatahkan.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Gombak, Asisten Komisioner Arifai Tarawe berkata, kes akan dirujuk ke Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Shah Alam," ujarnya.



GAMBAR tular seekor kucing betina yang bunting ditemui mati dengan empat kakinya dipotong di Gombak kelmarin.

lokal

Oleh Redzuan Muharam
redzuan.muharam@hmetro.com.my

Kuasa Lumpur

"Tak sangka ada individu yang tergamak bunuh haiwan tidak berdosa dengan kejam," luah Mur Salina Junaidi, 20, pemilik kucing bunting yang ditemukan mati dalam keadaan tanpa empat kaki kelmarin.

Menurut Mur Salina yang menetap di Taman Harmoni, Gombak, Selangor, dia mengetahui nasib yang menimpa kucing diberi nama Cantik itu selepas dijumpai dalam kotak ditutup dengan kertas kereta milik bapa saudaranya, Lukman Nur Hakim Bekhtiar, 29.


Katanya, dia dihubungi bapa saudaranya kira-kira jam 1 tengah hari memberitahu Cantik ditemui mati dalam keadaan menyedihkan.

"Saya bergegas pulang dari tempat kerja dan sebaik tiba badan saya menggigil apabila melihat bangkai Cantik dan hanya mampu menangis kerana terlalu sedih apatah lagi ia mati dalam keadaan bunting dan menunggu masa untuk melahirkan anak," katanya ketika dihubungi Harian Metro semalam.

Mur Salina berkata, dia tidak dapat bayangkan bagaimana keadaan dan kesakitan dirasakan Cantik ketika diperlakukan sebegitu.

"Berdasarkan kecederaan pada kaki Cantik ia mungkin dipatahkan oleh pelaku, bukan dikerat dengan peralatan tajam.

"Lebih menyedihkan terdapat najis keluar mungkin



akibat Cantik menahan sakit dan keadaan itu menunjukkan seperti ia didera ketika masih bernyawa," katanya.

Mur Salina yang bekerja sebagai setiausaha berkata, kucing berusia setahun enam bulan itu dipeliharanya sejak

2019. "Selain Cantik, saya sekeluarga ada memelihara lima kucing lain dan memang ada melepaskan berkejaran di dalam dan sekitar rumah sahaja.

"Itu sebabnya saya terkejut apabila Cantik mati dalam keadaan sebegitu dan apa pun alasannya bukan tiket untuk pelaku bertindak kejam kerana haiwan tidak berakal dan sepatutnya dilindungi," katanya.

Susulan itu, Mur Salina mengikut bapa saudaranya membuat laporan di balai polis Gombak kira-kira jam 1.30 tengah hari, kelmarin.

Mur Salina turut berkongsi kisah yang menimpa Cantik menerusi Twitter dan mendapat perhatian warganet yang rata-ratanya sedih dengan nasib menimpa kucing berkenaan.

"Sebelum ini saya hanya baca tentang kekejaman ke atas haiwan di media sosial, tetapi kali ini ia berlaku ke atas kucing peliharaan saya," katanya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Haiwan Malaysia (*Animal Malaysia*) Arie Dwi Andika ketika dihubungi berkata, pihaknya meminta saksi perbuatan kejam itu turut tampil membuat laporan polis.

"Diharap kes itu mendapat perhatian daripada pihak berkuasa dan saksi boleh mualurkan maklumat terus kepada polis, menghubungi pemilik kucing itu atau hubungi melalui WhatsApp *Hotline Animal Malaysia* di talian 011-20901097 dengan segera,"



ASAS OKA polis menerima lantikan sebagai pegawai di ceramah ini lebih awal.



katanya.

Dalam pada itu, Ketua Polis Daerah Gombak, Asisten Komisioner Arifai Tarawe berkata, pihaknya menerima laporan dibuat pemilik kucing itu.

"Kes itu dirujuk ke Jabatan Perkhidmatan Veterinar Shah Alam untuk tindakan lanjut.

"Semua kes memabihkan penganalayaan terhadap haiwan disiasat oleh pihak berkenaan," katanya.



SATU daripada dua kucing dari Indonesia yang dirampas Maqis kerana tidak mempunyai permit import di Terminal Penumpang Feri Kuala Langkawi.

Dua kucing tak sempat masuk Langkawi

Langkawi: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) 'menahan' dua kucing yang diimport dari Indonesia di Terminal Penumpang Feri Kuah di sini, jam 1 tengah hari kelmarin.

Kucing dianggarkan bernilai RM500 itu dirampas Maqis sejurus tiba bersama pemilik yang datang dengan kapal layar kerana tidak mempunyai permit import dikeluarkan jabatan berkenaan.

Pengarah Maqis Kedah P Lily Rosalind berkata, pengimport gagal mengemukakan

permit import selain tiada sijil kesihatan serta nombor mikrochip pada kedua-dua kucing itu.

"Perbuatan mengimport haiwan hidup tanpa permit import adalah suatu kesalahan di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Akta 728).

"Sabit kesalahan boleh didenda tidak lebih RM100,000 atau dipenjara tidak lebih enam tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

Lily berkata, penguatkuasaan undang-un-

dang akan terus diperkasa di semua pintu masuk negara bagi setiap komoditi haiwan, tumbuhan serta karkas sama ada yang diimport atau dieksport.

"Pemeriksaan berterusan dilakukan bagi mengawal dan menjaga biosekuriti dan kawalan penyakit serta keselamatan makanan di dalam negara," katanya.

Dua kucing yang diimport dari Indonesia dianggarkan bernilai RM500



Dua ekor kucing bernilai RM500 dirampas

LANGKAWI - Dua ekor kucing import dirampas daripada seorang pelancong asing di Terminal Feri Antarabangsa Jeli Kuah, di sini dalam pemeriksaan Jumaat lalu.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Kedah, Lily Rosalind Paul berkata, lelaki berkenaan gagal mengemukakan permit import sah selain tiada sijil kesihatan kucing miliknya yang diimport dari Indonesia.

Menurutnya, sehubungan itu Maqis telah menahan dua ekor kucing jenis *Semilonghair* dianggarkan bernilai RM500 untuk tindakan lanjut.

"Hasil pemeriksaan dilakukan pegawai Maqis pada jam 1 tengah hari itu mendapati, pengimport berkenaan cuba membawa masuk dua ekor kucing tersebut namun gagal mengemukakan permit import sah dari Jabatan Maqis, malah tiada nombor mikrochip pada kucing tersebut," katanya.

Lily Rosalind berkata, pemilik yang menaiki kapal layar itu melakukan kesalahan kerana mengimport haiwan itu tanpa permit, di bawah Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

"Jika sabit kesalahan boleh diden-

da tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali di bawah Seksyen 11(3) akta sama," katanya.

Beliau berkata, pihaknya akan terus memperkasa tindakan penguatkuasaan undang-undang di semua pintu masuk negara bagi setiap komoditi haiwan, tumbuhan serta karkas sama ada yang diimport atau dieksport.

"Pemeriksaan berterusan itu dilakukan bagi mengawal dan menjaga biosekuriti dan kawalan penyakit serta keselamatan makanan di dalam negara," katanya.



Pegawai Maqis membawa kucing yang dirampas dari sebuah kapal layar di Terminal Feri Antarabangsa Jeli Kuah, Langkawi Jumaat lalu untuk tindakan selanjutnya.

FAMA pasarkan 200 tan metrik nanas moris milik 30 pekebun

PONTIAN – Sebanyak 200 tan metrik buah nanas moris dibeli Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Johor daripada 30 pekebun kecil bagi mengatasi masalah lambakan buah-buahan tropika berkenaan.

Pengarah FAMA Johor, Shari-
zan Sudiman berkata, belian
nanas tersebut melibatkan
pekebun dari daerah Pontian,
Muar dan Batu Pahat yang se-
belum ini menjual buah-buahan
itu menggunakan media sosial.

Menurutnya, FAMA dengan
kerjasama Lembaga Perindustri-
an Nanas Malaysia (LPNM)
menghantar nanas yang dibeli
ke kilang untuk diproses dan ke-
mudian dipasarkan ke seluruh
negara termasuk Melaka, Lem-
bah Klang dan Pantai Timur.

"Selain itu, kita juga me-
masarkan buah-buahan itu di
premis peruncitan antaranya
pasar tani, pasar tani kekal, ge-
rai buah-buahan segar (GBBS).

"Sebanyak 95 tan met-
rik nanas lagi dipasarkan
melalui Facebook Market-
place, Agrobazar Online



FAMA membantu memasarkan nanas moris milik 30 pekebun yang tidak terjual ekoran pelaksanaan PKP.

dan WhatsApp.

"Hasil daripada pemasaran
secara online yang dilakukan
sebanyak 20,000 ribu biji nanas
moris telah dijual," katanya di
sini semalam.

Tambah Sharizan, penge-
luaran utama moris di daerah
Pontian, Kluang, Batu Pahat dan
Muar dengan anggaran keluasan
tanaman ialah 126.51 ekar (yang
berdaftar di bawah LPNM) se-
hingga 15 Februari lalu.

"Kami bersedia untuk be-
kerjasama dengan mereka yang
menghadapi masalah untuk
memasarkan hasil-hasil perta-
nian termasuk nanas dengan
menyertai program Kontrak Pe-
masaran," ujarnya.

Kosmo! sebelum ini me-
laporkan pekebun nanas morris
menghadapi kerugian disebab-
kan hasil tuaian mereka tidak
dapat dijual ekoran Perintah
Kawalan Pergerakan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/2/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	8



OTHMAN ABDUL LATIFF

Perikanan tidak lumpuh

NOTA BHARI: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) mengakui pendaratan hasil perikanan negara berkurangan 20 peratus tahun ini berbanding tempoh sama tahun lalu.

Bagaimanapun Ketua Pengarahnya, Datuk Othman Abdul Latiff memberi jaminan industri perikanan tidak akan lumpuh, malah bekalan ikan masih mencukupi bagi memenuhi keperluan domestik.

"Sehingga kini sebanyak 48 Kompleks Perikanan LKIM aktif beroperasi bagi tujuan kemudahan pendaratan, pengendalian, penyimpanan dan pemasaran ikan secara bersepadu kepada pengguna.

"Di Kelantan, terdapat empat kompleks masih aktif beroperasi, antaranya Tok Bali yang memainkan peranan penting dalam pemusatan pendaratan ikan serta pembangunan industri perikanan di Pasir Puteh," katanya.

Mengulas lanjut, Othman memberitahu, berdasarkan rekod Jabatan Perikanan Negeri Kelantan, jumlah bot merangkumi semua zon iaitu A, B, C dan C2 yang beroperasi di Tok Bali pada tahun ini adalah 185 buah, berbanding 405 buah pada 2017.

Rekod itu menunjukkan pengurangan ketara bot jenis laut dalam apabila hanya terdapat 69 bot kategori C2 dan 22 bot kategori C pada tahun ini berbanding 250 bot C2 serta 36 bot C pada 2017.

Bilangan vesel berkurang kerana bermula 2018, Jabatan Perikanan melaksanakan 'pemutihan', iaitu mana-mana vesel yang tidak memenuhi Laporan Operasi Vesel (LOV) tidak dibenarkan untuk memperbaharui lesen.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/2/2021	SINAR HARIAN	NASIONAL	11

RM360 juta untuk pembangunan IADA Kota Belud

KOTA BELUD - Sebanyak RM360 juta peruntukan disalurkan kerajaan untuk menaik taraf sistem saliran dan pengairan serta kaedah pengurusan tanaman di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kota Belud.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, usaha itu bagi membolehkan pesawah di bawah kendalian agensi berkenaan dapat menanam padi dua kali setahun.

“Setakat ini, sebanyak RM160 juta daripada peruntukan tersebut telah digunakan.

“Kerja menambah baik dan membina baharu sistem saliran serta pengairan sawah IADA Kota Belud juga akan diteruskan tahun ini,” katanya kepada pemberita selepas menyam-

paikan bantuan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Prihatin berupa 200 kampit beras kepada pesawah terjejas akibat banjir di IADA Kota Belud pada Sabtu.

Mengulas lanjut, Ronald berkata, program pembangunan IADA Kota Belud akan terus dirancarkan pada tahun ini termasuk meneruskan pembangunan kompleks pentadbiran agensi itu yang dianggarkan bernilai RM36 juta.

Pada majlis tersebut, beliau turut menyampaikan pampasan banjir kepada 206 petani akibat bencana banjir pada Oktober tahun lalu yang bernilai RM264,000 menerusi Tabung Bencana Tanaman Padi yang diserahkan kepada Pengerusi Kumpulan Pengguna Air Kampung Taun Gusi 2, Saidin Karut.



Ronald (dua dari kiri) menyerahkan replika cek pampasan banjir menerusi Tabung Bencana Tanaman Padi bernilai RM264,000 kepada Saidin (kanan) di IADA Kota Belud pada Sabtu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/2/2021	KOSMO AHAD	PANORAMA	17

Impresi Kehidupan

Kosmo! Ahad 21.02.2021

Panorama



Kolam latok
Port Dickson



FATIMAH (tengah) bersama suaminya, Abdul Samad (kiri) dan pekerjanya, Peterchris (kanan) menunjukkan latok ternak berkualiti tinggi iaitu 100 peratus organik sebelum dipasarkan kepada pelanggan. - MUHAMMAD IZZAT TERMIZIE

EKSTRA

LATOK

- Sejenis rumpai laut yang juga dikenali sebagai 'anggur laut'.
- Istilah saintifiknya ialah *Caulerpa lentillifera*.
- Makanan tradisi masyarakat Bajau Laut atau Suluk di Semporna, Sabah.
- Teksturnya lembut dan rasanya lazat.
- Boleh didapati di kawasan tertentu di Asia Tenggara dan Okinawa, Jepun.
- Mempunyai khasiat seperti vitamin C, kalsium, kalsium, iodin dan protein.

Eksperimen 'anggur laut' jadi kenyataan

MENGHASILKAN bunyi 'pop' apabila dimakan, selain rasanya yang sedap dan berkhasiat tinggi menjadikan latok sebagai makanan yang semakin diminati.

Latok yang turut digelar sebagai 'anggur laut' ialah sejenis rumpai laut. Istilah saintifik bagi latok ialah *Caulerpa lentillifera*. Menurut portal Jabatan Perikanan Malaysia, rumpai laut ialah tumbuhan laut yang dikenali sebagai alga.

Sebelum ini, latok terkenal sebagai makanan tradisi masyarakat Bajau Laut atau Suluk di Semporna, Sabah, namun kini ramai rakyat Malaysia termasuk di Semenanjung yang turut menggemarnya.

Atas faktor permintaannya yang kian meningkat, bekalan latok yang biasanya diperolehi dari Sabah kini tidak dapat lagi memenuhi permintaan pasaran.

Pernah berdepan situasi tersebut, seorang usahawan, Fatimah Salleh, 38, yang mengusahakan dua buah restoran makanan Sabah iaitu Restoran Ikan Bakar Semporna di Kepong dan Shah Alam. Selangor terdetik untuk mencari penyelesaian dengan memternak sendiri latok menggunakan tangki air simen.

"Saya terfikir macam mana untuk dapatkan latok dalam kuantiti banyak



Oleh
NOR SHAFAWATI
YIP



FATIMAH dan pekerjanya Peterchris menunjukkan latok yang sudah boleh dituai.

dengan lebih mudah dan segar. Sebelum ini saya memperoleh bekalan latok dari Sabah tetapi permintaan sangat tinggi iaitu sehari lebih kurang 30 kilogram (kg) latok diperlukan untuk hidangan di restoran sahaja. "Ini tidak termasuk permintaan

daripada pengusaha restoran lain serta permintaan pihak ajen yang menjual latok di pasaran online," katanya kepada *Panorama* di kolam ternakan latok miliknya di Lukut, Port Dickson, Negeri Sembilan baru-baru ini.

Menurut Fatimah, sebelum ini banyak kali dia perlu menanggung kerugian apabila bekalan latok yang diterbangkan dari Sabah 'rosak' akibat terkena panas selepas dibungkus untuk dihantar ke Semenanjung selain kos penghantaran yang tinggi.

Bermula dari situ, Fatimah yang berasal dari Semporna, Sabah bersama suaminya, Abdul Samad Idris, 44, melakukan eksperimen dan penyelidikan sendiri selama enam bulan bermula awal tahun 2019 untuk mencari kaedah terbaik memternak latok.

"Pada mulanya, saya bersama suami pergi ke beberapa negara yang mengusahakan latok seperti Jepun, Thailand, Indonesia, Filipina dan Vietnam untuk mempelajari ilmu mengenai cara memternak latok.

"Kemudian kami cuba mengaplikasikan sistem atau formula diguna pakai di sana dan untuk permulaan sebanyak 50 kg benih latok yang diimport dari Thailand dibenihkan untuk mendapatkan hasil," ujarnya yang memberitahu sanggup mengheutkan modal sendiri berjumlah RM100,000 bagi merealisasikan ternakan latok itu.

Jelas Fatimah, dia juga tidak lari daripada jatuh bangun ketika melakukan kajian selama enam bulan, sebelum akhirnya ternakan latok menggunakan tangki simen yang diusahakan membuahkan hasil. Kini, dia mampu mengeluarkan dua tan latok sebulan.

Menjadi rutin seorang pekerjanya, Peterchris Hussam, 43, untuk sentiasa memastikan tahap kebersihan air dalam tangki simen ternakan latok serta membuang buih-buih kotor. "Air tangki perlu sentiasa bersih.



Saya perlu sentiasa pantau dan buang bulh-bulh kuning yang kotor kerana boleh menjejaskan kualiti latok.

"Biasanya air akan ditukar setiap dua hari. Latok ini sensitif pada suhu, air dan cuaca, jadi semuanya perlu sentiasa selimbang," katanya yang berasal dari Sabah.

Peterchris berkata, di Sabah, latok ditenak terus di dalam laut dan airnya bersih memandangkan perairannya jernih, berbanding ternakan latok kolam yang menggunakan air laut dari Semenanjung dan perlu diproses terlebih dahulu sehingga bersih.

"Cahaya matahari diperlukan latok bagi memastikannya sihat dan panjang sekitar lapan inci (20 sentimeter). Tempoh ternakan latok mengambil masa antara 30 hingga 45 hari dan biasanya pada hari ke-18, latok sudah boleh dituai. Hasil latok untuk satu kolam boleh mencecah 60 kg dengan sekali tuai," katanya.

Dari segi rasa, Fatimah berkata, latok ternak tidak berbau hanyir berbanding latok liar.

"Rasa latok ternak lebih sedap dan rangup kerana latok ini tidak menggunakan baja kimia walaupun ditenak di dalam kolam, sebaliknya tumbuh sendiri bergantung kepada sumber alam.

"Latok ternak ini tidak memerlukan baja dan 100 peratus organik serta tahan lebih lama iaitu tujuh hari selepas dituai," ujarnya.

Bahkan jelas Fatimah, kajian daripada Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) mendapati, latok mempunyai khasiat tersendiri untuk membantu mengatasi masalah penyakit tertentu.

"Latok sesuai dimakan sebagai ulam atau kerabu serta enak dimakan dengan sos tertentu. Latok juga dikenali sebagai makanan yang tinggi kandungan kolagen yang dapat membantu kecantikan kulit," katanya yang kini mempunyai 13 kolam ternakan latok.

Fatimah berkata, harga pasaran borong bagi latok ternak ialah RM50 sekilogram, manakala harga bagi jualan pasaran ialah RM13 bagi 100 gram latok.

"Selain membekalkan latok ternak untuk hidangan di restoran sendiri dan kepada pengusaha restoran

TERDAPAT 13 kolam ternakan latok yang diusahakan Fatimah dan suaminya di Lukut, Port Dickson.



PETERCHRIS memastikan keberlehan air kolam.

lain, saya juga memasarkan latok untuk jualan online kepada ejen seluruh Malaysia menggunakan Jenama Gamal.

"Selepas ini saya berhasrat untuk menghasilkan produk-produk berasaskan latok seperti sabun mandian yang mempunyai khasiat yang baik untuk kulit bagi memperluas pasaran latok," katanya lagi.

Pada masa hadapan, Fatimah berhasrat menambah 50 hingga 70 lagi kolam ternakan latok bagi memenuhi permintaan, selain bagi menembusi pasaran Singapura dan Brunei.

"Permintaan terhadap latok ini memang sangat tinggi. Apabila kapasiti atau pengeluaran latok lebih banyak, tidak mustahil latok ternakan ini dapat dieksport ke luar negara memandangkan permintaan dari sana memang ada," katanya.

Perusahaan kolam ternakan laut milik Fatimah dan suaminya itu turut mendapat sokongan daripada Jabatan Perikanan Negeri Sembilan yang membantu dalam mengembangkan projek ternakan latok.

"Kini saya dalam proses untuk memohon Sijil Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP) serta mendapatkan permit import dan eksport," katanya yang mahu perusahaan latok ini berkembang dan masyarakat dapat menikmati latok segar.

LATOK sesuai dijadikan makanan seperti ulam serta enak dimakan dengan sos tertentu.



HALIMI

Bantu nelayan tambah pendapatan

JABATAN Perikanan Negeri Sembilan akan membantu komuniti nelayan di sekitar Port Dickson memperoleh sumber pendapatan tambahan menerusi projek perintis penternakan latok.

Pengarahnya, Halimi Abu Hanip berkata, penternakan latok yang diusahakan oleh Fatimah Salleh merupakan projek baharu yang boleh dibangunkan secara meluas.

"Di bawah program myKomuniti Perikanan (myKP), nelayan bukan sahaja menangkap ikan di laut tetapi kami menggalakkan mereka menjana pendapatan lain seperti membuat pemprosesan produk perikanan, perikanan rekreasi atau penternakan akuakultur.

"Sebagai nilai tambah, kami berhasrat membantu para nelayan mempelajari teknik penternakan latok sebagai projek perintis memandangkan di Port Dickson terdapat banyak pangkalan nelayan dan projek ini masih baharu," katanya kepada Panorama baru-baru ini.

Menurut Halimi, pihaknya akan bekerjasama dengan Fatimah bukan sahaja dari segi penternakan tetapi juga pemasaran.

"Kami bercadang supaya komuniti nelayan yang berminat boleh mendapatkan benih daripada Fatimah, manakala pihak Jabatan Perikanan akan membantu nelayan dalam penyediaan input penternakan latok sebagai projek perintis.

"Permintaan terhadap latok ini didapati semakin meningkat. Dari segi pemasaran, nelayan boleh terus membekalkan hasil latok kepada Fatimah yang mengusahakan restoran (menyediakan hidangan latok), selain mempunyai pelanggan dan ejen menjual latok di seluruh Malaysia," katanya.

Dalam pada itu, Halimi berkata, Jabatan Perikanan Negeri Sembilan juga akan membantu Fatimah mendapatkan Sijil Amalan Akuakultur Baik Malaysia (myGAP) untuk tujuan eksport bagi mengembangkan produk latok, seterusnya menembusi pasaran luar negara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/2/2021	METRO AHAD	XPRESI	35

PEKEBUN CILI 'MATA SATU'

Shaharuddin usahakan penanaman secara fertigasi di tanah seluas seluas 0.07 hektar bersama rakan

AGRO

Teks dan foto: Noor Hidayah Tausif
rencana@hmetro.com.my

Walaupun penglihatannya terbatat dengan hanya bergantung pada satu mata, lelaki ini tetap cecak mengusahakan tanaman cili fertigasi di Kampung Changkat Banjar, Parti, Perak.

Bapa tunggal kepada dua anak, Shaharuddin Lop Ahmad, 43, yang juga orang kurang upaya (OKU) mengusahakan tanamahnya bersama rakanrakan, Mohd Nizam Zulkipli, 37.

Mereka bermula empat tahun lalu dengan kaedah penanaman batat sebelum bertukar sepenuhnya secara fertigasi di tanah seluas 0.07 hektar (700 meter persegi) sejak setahun lalu dan mempunyai 1,360 polibeg cili.

Menurut Shaharuddin, mata kirinya buta akibat jangkitan kuman selepas disahkan menghidap 'achalasia esofagus' pada 2016.

"Sebelum ini saya bekerja sebagai pelayan di sebuah hotel di Subang, Selangor dan apabila kesihatan kurang baik saya bersama keluarga pulang ke kampung di Parti, Perak.

"Kesihatan semakin merosot dan saya menerima rawatan di Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh selama lebih setahun dan kuman merebak hingga menyebabkan mata kiri buta.

"Doktor beritahu mata saya sudah tidak dapat diselamatkan dan ketika itu memang sukar mahu menerima keadaan diri hingga menjadikan saya tertekan serta hilang semangat," katanya ketika ditemui pada Ziarah Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Belanja, Kbalruddin Abu Hanipah.

Katanya, selepas berpisah dengan bekas isteri pada 2017, dia nekad bangkit semula kerana mengenangkan anak yang masih kecil dan ibu, Fatimah Mohd Rashid, 73.


"Saya menguatkan semangat dengan sokongan keluarga, kakitangan hospital dan rakan. Apabila Mohd Nizam ajak tanam cili, saya ambil peluang itu untuk mengubah kehidupan biarpun ketika itu masih



SHAHARUDDIN di kebun cilinya.



HASIL cili segar dari kebun dua pengusaha ini.



SHAHARUDDIN (kanan) menunjukkan tarikan cili di kebunnya kepada Khairuddin.

Saya menguatkan semangat dengan sokongan keluarga, kakitangan hospital dan rakan. Apabila Mohd Nizam ajak tanam cili, saya ambil peluang itu untuk mengubah kehidupan biarpun ketika itu masih memakai tiub di hidung.

SHAHARUDDIN

memakai tiub di hidung.

"Jika ditukarkan memelihara tidak puas melihat dengan hanya satu mata, tetapi saya reda dan bersyukur penglihatan sebelah mata lagi masih jelas sekali gus dapat membantu saya menguruskan kebun," kata bapa dua anak lelaki berusia lapan dan 11 tahun itu.

Katanya, dia kini sudah biasa dan mengakui tiada masalah biarpun hanya bergantung dengan satu mata, masih boleh menunggang motosikal kira-kira enam kilometer daripada rumahnya di Kampung Talang Batin ke kebun.

"Setakat ini tiada masalah, semua kerja saya buat, tetapi sentiasa berhati-hati kerana risau jika mata kembali bermasalah," katanya menerima bantuan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).



SHAHARUDDIN dan Mohd Nizam (kiri) melihat air baja untuk tanaman cili fertigasi mereka.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/2/2021	METRO AHAD	XPRESI	36

AGRO

Teks dan foto Abnor Hamizan Abd Manap am@hmetro.com.my

Tidak ramai yang mengenali pokok sacha inchi atau nama saintifiknya 'Plukenetia volubilis' iaitu tumbuhan herba yang berasal dari Hutan Amazon di Peru.

Sejak 3,000 tahun dahulu, ia digunakan sebagai sumber perubatan dan kesihatan oleh masyarakat Inca di Peru dan tidak hairan ia turut dikenali sebagai 'Inca peanut.'

Sacha inchi mampu mengeluarkan minyak jenis Omega 3, Omega 6 dan Omega 9 yang berfungsi membantu memulihkan tenaga serta kesihatan badan.

Di negara ini, blarpun pelbagai produk berkaitan sacha inchi sudah boleh diperolehi di farmasi, namun tidak ramai menanam sacha inchi yang cukup mudah untuk dijaga.

Berikutan itu seorang usahawan pertanian mengambil inisiatif menanam tanaman itu secara komersial di Jelebu, Negeri Sembilan selepas mengetahui khasiatnya.

Toslan Ali dipercayai petani pertama di negeri ini menanam pokok itu secara komersial di atas tanah miliknya seluas dua hektar yang sebelum ini terbiar begitu saja.

Katanya, idea menanam pokok berkenaan secara komersial dibuar selepas dia mencuba minyak sacha inchi diberikan rakannya ketika mengadu sakit kaki dan hampir mendapat penyakit gout.

Selepas mengamal minum minyak berkenaan, sakit kakinya pulih dan kemudian dia dicadangkan menanam pokok berkenaan.

"Kebetulan saya mempunyai tanah yang belum diusahakan lagi di Kampung Purun, Jelebu dan sacha inchi adalah pokok renek jenis kekacang yang mudah ditanam malah pemerhatian mendapati tanaman itu kurang diminati serangga perosak.

"Ketika ini saya sudah menanam pokok jenis kekacang itu di atas tanah seluas dua hektar di Muka Sauk berhampiran Kampung Purun sejak Oktober lalu," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Toslan berkata pelbagai produk boleh dihasilkan



HERBA AMAZON TUMBUH DI JELEBU

Sacha inchi sesuai dijadikan tanaman sampingan pekebun ketika mula tanam getah atau kelapa sawit

Selepas kacang dikeluarkan dari kulit ia sudah boleh diproses untuk dijadikan pelbagai produk termasuk makanan seperti snek kacang mahupun biskut

BAHAROM

daripada pokok berkenaan termasuk minyak, sabun dan makanan. "Tanaman ini boleh hidup sehingga 15 tahun

dan sangat sesuai untuk dijadikan tanaman sampingan oleh pekebun ketika mula menanam getah atau kelapa sawit.

"Malah tanaman ini mampu mengeluarkan hasil apabila berusia lapan bulan dan bagi setiap satu kilogram kacang mentah dijual pada RM3 sekilogram," katanya.

Berikutan permintaan tinggi, dia bercadang menanam pokok berkenaan di atas tanah seluas 2.4 hektar miliknya di Kampung Purun pada tahun ini.

Bagi Pengurus Ladang dan Nursery, Baharom Udin, menanam pokok berkenaan tidak rumit selain ia mudah dijaga.

Baharom berkata kebiasaan, apabila berusia lapan bulan pokok sudah mengeluarkan kacang yang sudah boleh dibuat berbentuk bintang berbucu empat, lima atau enam. "Selepas kacang

dikeluarkan dari kulit ia sudah boleh diproses untuk dijadikan pelbagai produk termasuk makanan seperti snek kacang mahupun biskut.

"Jika ada petani yang berminat untuk mengusaha tanaman berkenaan, kami sedia membeli kacang mentah secara terus tanpa membabitkan orang tengah," katanya.

Sementara itu Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Makanan Negeri Sembilan, Datuk Bakri Sawir, mengakui Toslan akan dijadikan usahawan contoh dalam mengembangkan penanaman sacha inchi di negeri ini.

Katanya, memandangkan tanaman ini masih baharu di negeri ini yang diusahakan secara komersial, pelbagai faktor perlu diambil kira sebelum ia dikomersialkan secara besar-besaran.